

CNS0987

U GB 23-01 00215 BA807

aab

Mahathir - Selat

SISTEM PEMBAYARAN DI SELAT MELAKA PERLU DIADAKAN

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu sistem pembayaran perlu diadakan bagi kapal-kapal yang melalui perairan Selat Melaka.

Tindakan ini perlu memadamkan jumlah dan saiz kapal yang melalui perairan itu semakin meningkat dengan membawa minyak dan sisa buangan, katanya kepada pemberita semasa menghadiri majlis rumah terbuka Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding di sini hari ini.

Katanya, perisytiharan yang dibuat pada zaman dahulu bahawa Selat Melaka satu perairan antarabangsa hanya sesuai untuk masa itu sahaja, dengan kapal yang melalui perairan itu hanya sebesar antara 200 dan 300 tan dan tidak pula membawa minyak ataupun bahan-bahan yang kotor dan jumlahnya kecil.

"Zaman ini dengan saiz kapal meningkat ke setengah juta tan dengan membawa minyak dan bahan kotoran yang boleh menyebabkan pencemaran yang serius, kita tidak boleh lagi mengganggu Selat Melaka sebagai perairan antarabangsa.

"Sebarang pelanggaran atau kebakaran di Selat Melaka membawa kesan buruk kepada negara-negara pesisir pantai," katanya selepas diminta mengulas mengenai pelanggaran antara dua kapal tangki, "Maersk Navigator" dan "Sanko Honour" di Laut Andaman dekat Pulau Rondo, 50 batu nautika utara Banda Aceh, pada 3 pagi Khamis. -- Lagi

▼23/01/16-13MST

U GB 23-01 00203 BA808

aab

Mahathir - Selat 2 Kuala Lumpur

"Satu sistem pembiayaan oleh negara-negara yang memiliki kapal-kapal itu perlu diadakan, ataupun satu sistem tol kerana setiap kali pelanggaran berlaku di Selat Melaka, kerajaan terpaksa menanggung bebannya," katanya.

Perdana Menteri berkata kebenaran untuk sesebuah kapal didaftarkan di bawah satu syarikat dan didaftarkan di negara ketiga perlu dikaji semula kerana ini adalah satu cara syarikat atau negara yang memiliki kapal itu mengelak daripada bertanggungjawab untuk membayar sebarang kerosakan jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini.

"Kita tidak puas hati dengan cara ini dan akan membawa isu tersebut ke mesyuarat antara kerajaan negara-negara pesisiran Selat Melaka di Indonesia Jun ini," katanya.

Beliau berkata skim pengasingan lalulintas perlu dilaksanakan di perairan tersebut, dan negara-negara yang menggunakan Selat Melaka patut membiayai segala alat dan usaha penyelenggaraan bagi menentukan tidak ada pelanggaran di perairan itu.

"Setiap kali berlaku pelanggaran di Selat Melaka, kerajaan terpaksa menanggung beban... nelayan tidak dapat menangkap ikan, kawasan pantai tercemar dan industri pelancongan negara terjejas, manakala yang menggunakan Selat Melaka tidak membayar. Mereka mesti bertanggungjawab," katanya.

Beliau juga telah membincangkan isu itu dengan Perdana Menteri Jepun Kiichi Miyazawa, yang melawat Malaysia baru-baru ini. -- Lagi

▼23/01/16-40MST  
U GB 23-01 00111 BA810  
aab

Mahathir - Selat 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata Jepun bagaimanapun hanya bersetuju memberi peralatan dan tidak membiayai penyelenggaraan perairan itu atau pembersihan keadaan selat yang dicemari seperti yang dicadangkan.

Kerajaan Jepun dilaporkan akan memperuntukkan peralatan bernilai AS\$80 juta di bawah program Asean untuk pencegahan tumpahan minyak di Selat Melaka bagi tahun 1993 hingga 1995.

Law pula berkata menurut laporan terbaru, kapal "Maersk Navigator" hanyut ke Barat Laut jauh dari perairan Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, Jabatan Alam Sekitar diminta untuk terus mengawasi keadaan kerana kapal itu masih terbakar dan jumlah minyak yang tumpah masih belum dapat dipastikan. -- Bernama

▼23/01/17-02MST